

Bomba sukar kesan pusat tahfiz tidak berdaftar

➔ JAIN diminta salur maklumat elak insiden kebakaran berulang

Oleh Farah Suhaidah Othman
bhnews@bh.com.my

► Cameron Highlands

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berdepan kesukaran mengesan maahad tahfiz tidak berdaftar di seluruh negara bagi pemeriksaan pematihan aspek pawaian keselamatan ditetapkan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim, berkata berikutan tiada maklumat lengkap berhubung maahad tahfiz yang tidak berdaftar, semua pihak terutama Jabatan Agama Islam Negeri

(JAIN) diminta menyalur maklumat kepada JBPM.

Katanya, ia penting bagi memastikan kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur, yang meragut 23 nyawa, pada 14 September lalu, tidak berulang.

Ambil masa kenal pasti pusat tahfiz

"Kita mengakui mengalami kesukaran berikutan senarai maahad tahfiz yang tidak berdaftar, tiada dalam rekod JAIN dan ia memerlukan masa bagi mengenal pasti tahfiz berkenaan.

"Tahfiz yang berdaftar biasanya tiada masalah kerana sebelum



Wan Rosdy (depan) diiringi Wan Mohd Nor melihat pameran selepas merasmikan Balai Bomba dan Penyelamat Ringlet, Cameron Highlands, semalam.



mendaftar, mereka datang kepada kita dan antara syarat pendaftaran, perlu mendapat kelulusan bomba," katanya selepas majlis perasmian Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Ringlet yang dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail di sini, semalam.

Sebulan siapkan laporan

Jumaat lalu, Wan Mohd Nor dilaporkan berkata, susulan arahan Kabinet, JBPM sudah memeriksa lebih 300 pusat tahfiz di seluruh negara sejak kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah.

Beliau turut mengesahkan me-

wujudkan Pasukan Petugas Khas di setiap negeri dan pasukan itu akan menyiapkan laporan hasil pemeriksaan 941 pusat tahfiz di seluruh negara, termasuk 329 yang tidak berdaftar, dalam tempoh sebulan.

Wan Mohd Nor berkata, pihaknya menjangka mengambil tempoh sebulan untuk membuat pemeriksaan terhadap semua maahad tahfiz berdaftar di seluruh negara dan akan memberi maklum balas kepada Kabinet dari semasa ke semasa.

Sementara itu, Wan Mohd Nor berkata, sebanyak 15 BBP baharu di seluruh negara akan beroperasi tahun ini.

Jawatankuasa khas pantau modul keselamatan

Kuala Lumpur: Institut Keselamatan dan Kesihatan Negara (NIOOSH) akan mewujudkan satu modul khas untuk digunakan semua maahad dan pusat tahfiz berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Pengerusinya, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata bagi memastikan modul itu diselaraskan berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994 serta lain-lain akta berkaitan, satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan.

"Jawatankuasa khas itu akan mengadakan beberapa lawatan ke pusat tahfiz untuk memeriksa perkara yang boleh mendatangkan bahaya kepada penghuni dalam bangunan mereka.

"Kita juga turut memeriksa alat pemadam api dan beberapa ke-



Kita juga turut memeriksa alat pemadam api dan beberapa keperluan lain untuk memastikan tahap keselamatan di pusat tahfiz"

Lee Lam Thye, Pengerusi NIOOSH

perluan lain untuk memastikan tahap keselamatan di pusat tahfiz berkenaan," katanya ketika ditemui media selepas melawat pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kampung Datuk Keramat, di sini, petang semalam.

Beri pendidikan aspek pencegahan

Lam Thye berkata, pihak jawatankuasa itu juga akan memberi pendidikan berkaitan aspek pencegahan dan keselamatan kebakaran kepada pelajar serta tenaga pengajar.

"Satu borang audit keselamatan dan kesihatan juga akan dikeluarkan sebagai panduan untuk semua pusat tahfiz memastikan premis mereka beroperasi mengikut arahan ditetapkan," katanya.

(FOTO YAZIT RAZALI/BH)



Lam Thye berbual dengan Pengetua Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Mohd Zahid Mahmood ketika melawat pusat itu, semalam.